

26 JUN 1998

Gerakan-Kerk

GUNAKAN SALURAN PARTI SELESAI MASALAH

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Ting hari ini menyeru pergerakan pemuda dan wanita parti tersebut menggunakan saluran parti terlebih dahulu untuk menyampaikan pandangan masing-masing berhubung dengan sesuatu isu.

Namun, katanya, ini bukan bermakna pemimpin parti disekat secara tidak demokratik untuk menyuarakan pendirian di saluran-saluran lain seperti media massa.

"Akan tetapi kita harus menggunakan saluran-saluran parti terlebih dahulu supaya kita dapat menyelesaikan sesuatu isu atau masalah itu secara parti atau secara dalaman dahulu," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan pemuda dan wanita Gerakan ke - 11 di Wisma PGRM di sini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata parti tidak mahu sesuatu isu itu didedahkan di media massa tanpa rujukan parti kerana "meluahkan sesuatu isu itu di kalangan awam mungkin akan membangkitkan masalah atau isu-isu yang lain."

"Kadang-kadang isu-isu yang dibangkitkan itu, akan membawa kepada salah fahaman dan kekeliruan di kalangan ahli-ahli parti yang lain dan juga masyarakat," katanya.

Mengenai kepemimpinan, beliau berkata pemimpin baru parti perlu pendedahan serta memahami cara mendalam isu-isu tempatan dan global serta menyelesaikan isu secara kreatif.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata soal menggunakan saluran parti dalam menyelesaikan masalah bukan sahaja sejajar dengan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disuarakan di perhimpunan agung UMNO baru-baru ini tetapi juga sejajar juga dengan tradisi parti Gerakan sejak 30 tahun lepas.

"Kita kaji dan membuat strategi dan kemudian kita pilih, yang mana perlu disuarakan dan yang mana tidak," katanya.

Mengenai pergerakan pemuda Gerakan yang kadang-kadang membangkitkan isu-isu seperti pengswastan di media massa beliau berkata pergerakan itu diberi sedikit kelebihan dalam menyuarakan pandangan tetapi parti mempunyai strategi sendiri di semua peringkat pemimpin bagi menyalurkan segala pandangan mengikut saluran yang betul.

--BERNAMA

RV